

23 APR 1996

FABER NAK LABUR RM1 BLN BAGI MEMPERTINGKATKAN KEMUDAHAN HOSPITAL

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Faber Bhd, melalui bahagian perkhidmatan sokongan hospitalnya, akan membelanjakan RM1 bilion dalam lima tahun ini untuk mempertingkatkan kelengkapan perubatan dan membina penuhu baru.

Seorang pegawai kanan syarikat memberitahu Bernama bahawa sebuah penuhu yang besar, menggunakan teknologi British, akan dibina di Kamunting, Perak sementara sebuah lagi sama ada di Sabah atau Sarawak.

Selain Faber, Asia Lab (M) Sdn Bhd, yang ada kaitan dengan Malaysian Resources Corporation Bhd dan Tongkah Holdings, yang diketuai Mokhzani Mahathir telah diberi kontrak perkhidmatan hospital bernilai RM480 juta setahun untuk tiga tahun pertama.

Satu perjanjian rasmi berkaitan tawaran konsesi 15 tahun kepada konsortium yang dipimpin oleh tiga buah syarikat akan ditandatangani dalam bulan Jun dan dilaksanakan mulai September.

Bahagian hospital Faber akan bertanggungjawab di enam buah negeri - Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Sabah dan Sarawak. -- BERNAMA

JSM SIA